





NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 22
Bil. 18

31hb Ogos, 1978

TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 31/35

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (ANJING-ANJING) MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG, 1977

BAHAWASANYA sebagai menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen-seksyen 73 (m) dan 107 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada mesyuarat Majlis yang telah bersidang pada 25hb Ogos, 1977, telah meluluskan Undang-Undang Kecil (Anjing-anjing) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1977 (yang mana selepas ini dirujuk sebagai "Undang-Undang Kecil tersebut");

Oleh itu maka sekarang pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-undang Kecil ini seperti berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil (Anjing-anjing) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1977. Nama.
2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Taksir.

"anjing" ertinya seekor anjing jantan, anjing betina atau anjing betina yang dimandulkan yang berumur lebih dari 3 bulan.

"bayaran lesen" ertinya bayaran yang dikenakan mengikut undang-undang kecil ini.

"lencana pendaftaran" ertinya lencana logam yang bentuknya diluluskan oleh Majlis untuk tahun pendaftaran semasa dan yang mana mempunyai nombor pendaftaran seseekor anjing bagi tahun itu.

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

"Pegawai Haiwan Perbandaran" ertinya pegawai yang sekarang menjalankan tugas-tugas Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Haiwan Majlis dan termasuk Timbalannya serta seorang Penolong Doktor Haiwan.

"penyakit kulit yang nyata" ertinya kurap anjing atau apa juga penyakit kulit yang mudah dicamkan sebagai satu penyakit.

"pemilik" termasuklah orang yang di bawah jagaannya diletakkan seekor anjing dan orang yang membayar bayaran lesen.

"ringgit" ertinya ringgit Malaysia.

- | | |
|--|--|
| Bayaran lesen. | 3. Majlis akan mengenakan satu bayaran lesen tahunan sebanyak lima ringgit bagi sepanjang tahun atau sebahagian darinya bagi tiap-tiap ekor anjing yang dipelihara dalam kawasan Majlis. |
| Orang yang dikehendaki membuat bayaran lesen. | 4. Bayaran lesen itu hendaklah dijelaskan oleh orang yang memiliki atau menjaga atau mempunyai kuasa ke atas anjing yang baginya dikenakan bayaran lesen itu pada hari pertama dalam tahun yang cukai itu kena dibayar. |
| Bayaran lesen dibuat secara pendahuluan. | 5. Bayaran lesen itu kenalah dijelaskan dahulu pada hari pertama dalam bulan Januari. Sekiranya seseekor anjing itu menjadi milikan atau diletakkan di bawah jagaan atau kuasa seseorang itu dalam tahun yang baginya satu bayaran lesen kena dijelaskan, orang itu hendaklah menjelaskan bayaran lesen bagi anjing itu pada hari pertama anjing itu menjadi milikannya atau diletakkan di bawah jagaan atau kuasanya, kecuali ia boleh membuktikan dengan memuaskan hati Pegawai Haiwan Perbandaran bahawa bayaran lesen itu telahpun dijelaskan. |
| Lencana pendaftaran. | 6. Majlis hendaklah memberi satu lencana pendaftaran yang mempunyai nombor siri kepada tiap-tiap orang yang menjelaskan bayaran lesen untuk seseekor anjing itu. Lencana seperti itu tidak boleh bertukar tangan dan hendaklah digunakan hanya untuk anjing yang baginya lencana itu dikeluarkan. |
| Gantian lencana pendaftaran. | 7. Sekiranya lencana pendaftaran itu hilang ataupun tidak boleh digunakan lagi, lencana pendaftaran itu akan digantikan oleh Majlis apabila dijelaskan bayaran sebanyak lima ringgit. |
| Keengganan mengeluarkan lencana pendaftaran. | 8. Majlis boleh enggan mengeluarkan sesuatu lencana pendaftaran sekiranya pada pendapat Pegawai Haiwan Perbandaran anjing itu tidak dipelihara dengan betul ataupun ianya mengidap sesuatu penyakit yang tidak dapat disembuhkan dan, sekiranya anjing itu telah pun diberi satu lencana pendaftaran, lencana pendaftaran itu boleh dibatalkan. |
| Keperluan kolar kulit atau logam. | 9. Tiap-tiap seekor anjing hendaklah diberi oleh pemiliknya satu kolar kulit atau logam yang sempurna dan pemiliknya hendaklah memasang lencana pendaftaran anjing itu di kolar anjing itu. |
| Lencana pendaftaran hendaklah dipasang kepada kolar. | 10. Tiap-tiap seekor anjing, samada ianya berada di luar atau di dalam rumah di dalam kawasan Majlis, hendaklah memakai kolar yang dipasangkan kepadanya lencana pendaftaran. |
| Membawa keluar anjing untuk pemeriksaan. | 11. Seseorang pemilik hendaklah membawa keluar anjingnya untuk diperiksa di rumahnya jika diminta berbuat demikian oleh Pegawai Haiwan Perbandaran atau membawanya ke Rumahsakit Haiwan Perbandaran untuk diperiksa, jika diminta berbuat demikian secara bertulis. |
| Anjing yang berpenyakit. | 12. Pemilik mana-mana anjing yang mengidap sebarang penyakit yang harus dilaporkan atau penyakit kulit yang nyata hendaklah dengan serta merta mengikut atau mengurung anjingnya itu dan hendaklah memberitahu akan penyakit tersebut di pejabat Jabatan Haiwan Perbandaran di dalam tempoh 48 jam. Sebaik-baik saja penyakit tersebut diberitahu, pemilik hendaklah jika diarah oleh Pegawai Haiwan Perbandaran: <ul style="list-style-type: none"> (i) merawat anjing tersebut sehingga memuaskan hati Pegawai Haiwan Perbandaran, atau (ii) menghantar anjing tersebut untuk dirawat di Rumah Sakit Haiwan Perbandaran atas perbelanjaan pemilik. |
| Anjing itu boleh ditahan atau dimusnahkan. | 13. Mana-mana anjing yang mengidap penyakit kulit yang nyata yang dijumpai di dalam kawasan Majlis boleh ditahan atau dimusnahkan apabila dan di mana ianya dijumpai sepertimana Pegawai Haiwan Perbandaran mungkin fikirkan sesuai. |

14. Sesiapapun tidak dibenarkan memiliki, menyimpan, menyembunyi-
kan atau memelihara anjing di dalam kawasan Majlis tanpa kolar dan
lencana pendaftaran. Keperluan
kolar dan
lencana
pendaftaran.
15. Mana-mana anjing yang tidak memakai kolar dan lencana pen-
daftarannya yang dijumpai di mana-mana bangunan, boleh disita oleh pe-
milik atau penghuni, ataupun orang gaji pemilik atau penghuni ba-
ngunan itu ataupun oleh mana-mana kakitangan yang diberikuasa atau
pegawai yang bekerja di Jabatan Haiwan Majlis dan diambil atau di-
hantar ke Rumah Sakit Haiwan Perbandaran di mana ianya boleh di-
musnah atau dilupuskan sepertimana yang Pegawai Haiwan Perbandaran
mungkin fikirkan sesuai. Penyitaan
dan
pemusnahan
anjing yang
dijumpai di
mana-mana
bangunan.
16. Mana-mana anjing yang tidak memakai kolar dan lencana pen-
daftarannya yang dijumpai di mana-mana jalan awam boleh disita oleh
mana-mana kakitangan yang diberi kuasa atau pegawai yang bekerja di
Jabatan Haiwan Majlis dan dihantar ke Rumah Sakit Haiwan Per-
bandaran di mana ianya boleh dimusnah atau dilupuskan sepertimana
yang Pegawai Haiwan Perbandaran mungkin fikirkan sesuai. Penyitaan
dan
pemusnahan
anjing yang
dijumpai di
mana-mana
jalan awam.
17. Pegawai Haiwan Perbandaran atau sesiapa yang biasanya diberi-
kuasa secara bertulis bagi tujuan itu oleh Majlis boleh, pada bila-bila
masa yang munasabah, masuk dengan bebasnya dan memeriksa mana-
mana bahagian sebarang bangunan di mana ia mempunyai sebab untuk
mempercayai terdapat anjing yang boleh dikenakan bayaran lesen di
bawah undang-undang kecil ini. Kuasa
masuk.
18. Sesiapa yang melanggar mana-mana dari undang-undang kecil ini
boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau di-
hukum penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau dikenakan
kedua-dua denda dan hukuman penjara sekali dan jika sesuatu kesalahan
itu terus dilakukan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ratus
ringgit untuk tiap-tiap hari kesalahan sedemikian diteruskan setelah di-
sabitkan. Denda.
19. Undang-undang kecil yang berikut adalah dengan ini dimansuh-
kan:
- (i) The Penang Municipal (Keeping and Destruction of Dogs) Pg. G.N. No.
489/1953.
By-laws, 1953
 - (ii) The Penang Rural Board (Dogs) By-laws, 1938. S.S. G.N. No.
1597/1938.
- Bertarikh pada 5hb Ogos, 1978.
[PSUK/PP/16881/Bah. 11; R. 50/8/9-1(V); PU/PP/1126/Bah 14.]

WONG HIN FATT,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MUNICIPAL COUNCIL OF PENANG ISLAND (DOGS) BY-LAWS, 1977

WHEREAS in exercise of the powers conferred by sections 73 (n) and 107 of the Local Government Act, 1976, the Municipal Council of Penang Island at a meeting of the Council held on 25th August, 1977, passed the Municipal Council of Penang Island (Dogs) By-laws 1977 (hereinafter referred to as "the said By-laws"); Act 171.

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by section 103 of the Local Government Act 1976, the State Authority hereby confirms the said By-laws as follows: